

bertanggungjawab telah memberi amaran dan tegurannya tetapi malangnya teguran dan amarannya itu telah dibalas oleh wanita-wanita itu dengan suatu cara yang mengejek dan menghina kepada ulama-ulama itu.

Perbuatan wanita-wanita itu adalah menunjukkan corak keadaan masyarakat kita sekarang kerana kalau dahulu teguran-teguran semacam itu tidak diterima mereka sedang mereka diam sahaja, tetapi sekarang keceluparan terhadap teguran alim ulama sudah sedemikian rupa-dengan kata-kata yang keji dan menghina kepada alim ulama itu. Melihat ini sekarang jelas kepada kita bahawa jika selama ini teguran yang sedemikian itu pun telah dibalas dengan penghinaan maka ulama-ulama kita wajiblah sekarang dengan tegas dan jelas maju memimpin umat kerana jika mereka hanya berkata sahaja sedang kata-kata itu pun tidak dihargakan maka janganlah undur sahaja tetapi majulah ke tengah untuk menegakkan jihad dan memimpin umat yang telah tercebur kerana, jika tidak, awaslah, agama kita akan dipermainkan- bukannya sahaja oleh orang kebanyakan tetapi juga oleh “pemimpin-pemimpin” yang akan mempersendakan Islam – jika tidak sesuai dengan akan mereka.

Kecerobohan dan keceluparan yang telah dilakukan oleh wanita-wanita “moden” itu patutlah diperhatikan oleh ulama-ulama – janganlah dipandang sepi sahaja. Ulama-ulama tunjukkanlah kepada umat bahawa ulama itu mewarisi anbiya’ – tugasnya besar untuk memimpin umat. Janganlah patah hati atau berkecil hati tetapi jadikanlah hinaan mereka itu sebagai penggalak untuk tampil ke hadapan kerana memimpin umat!

Masyumi

Menang Taruh-Kalah Sorak

Menurut kenyataan yang disiarkan oleh Harian “Lembaga” di Medan yang bertarikh 9 November – hasil pemilihan umum di Indonesia (mengikut banyaknya kerusi) seperti berikut: Masyumi 73 kerusi, P.N.I. 56, Komunis 35, Nahdhatul Ulama’ 43, Partai Syarikat Islam Indonesia 7, Partai Tarikat Islam Indonesia 3, Partai Sosialis 5, Parkindo (Kristian) 4, Katholik 1, Buruh 2, Efki 3, Parti Kedaulatan Rakyat 1, Persatuan Dayak 1, Front Rakyat 1, dan Irian Barat 3 Kerusi.

Lajnah Membela Alim Ulama

Lajnah pengembang pelajaran agama Islam Muar di dalam persidangan ahli jawatankuasa tadbiran yang diadakan di Pejabat Besarnya di Jalan Hasyim Muar, pada 14 November 1955, telah mengambil perhatian yang sangat berat dengan amat kesal dan duka citanya di atas perbuatan wanita-wanita Melayu yang mengambil bahagian merebut gelaran Miss Selangor baharu-baharu ini di Kuala Lumpur, lebih-lebih lagi di atas sikap mereka itu terhadap teguran-teguran alim ulama dan orang-orang Melayu yang terkemuka di tempat itu bagaimana yang tersiar beritanya di dalam akhbar.

Sekianlah keputusan sebulat suara persidangan yang tersebut dan moga-moga dengan ini akan rujuklah mereka itu kepada jalan yang sebenar dan diredhai, amin.

Abdul Hamid bin Husain

Setiausaha Agung yang kehormat

Lajnah Pengembang Pelajaran Agama Islam Muar.